

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Malaysia kutuk tindakan Israel

KUALA LUMPUR, Rabu — Malaysia hari ini mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Israel mengambil secara rasmi Bukit Golan.

Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, dalam satu kenyataan juga berkata Malaysia menyokong penuh ketetapan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai perkara tersebut.

Belliau menegaskan Malaysia akan bersama-sama dalam semua usaha "mengatasi ancaman yang membahayakan keamanan dan keselamatan antarabangsa ini."

Tan Sri Ghazali mengulas langkah Israel baru-baru ini yang secara rasmi memasukkan Bukit Golan menjadi sebahagian daripada negara itu melalui akta parlimen. Kawasan Syria itu telah diduduki oleh Israel sejak Jun 1967, semasa peperangan Arab-Israel.

Tan Sri Ghazali berkata tindakan Israel itu sebahagian daripada dasar penekanan, keganasan dan pengluasan negara itu yang bertujuan meletakkan Asia Barat khususnya dan dunia keseluruhannya dalam keadaan tidak stabil dan huru-hara.

"Langkah terbaru itu dibuat pada masanya untuk melemahkan semangat muhibah dan usaha masyarakat antarabangsa untuk cuba mencari penyelesaian aman terhadap persengketaan di Asia Barat," katanya.